



MAJLIS GEREJA-GEREJA MALAYSIA COUNCIL OF CHURCHES OF MALAYSIA

10 Jalan 11/9, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: 03-79567092/79608926 Fax: 03-79560353 E-Mail: cchurchm@streamyx.com

“United to Build and to be a Blessing”

PRESS STATEMENT HEBI - USE OF BAHASA MALAYSIA

Kami, Ahli Jawatan Kuasa Hal Ehwal Bumiputra Indigenous (HEBI) satu komuniti bagi penganut agama kristian pribumi seMalaysia di bawah payung Council of Churches of Malaysia (CCM), ingin meluahkan isi hati kami mengenai larangan pihak kerajaan terhadap penggunaan beberapa istilah, baik secara lisan mahupun tulisan.

1. **BAHASA MELAYU TELAH DIGUNAKAN SEBELUM MERDEKA**
Sebelum Sabah dan Sarawak, atau lebih dikenali pada masa itu sebagai Borneo Utara mencapai kemerdekaan bergabung dengan Malaysia pada tahun 1963, agama kristian telah dianuti oleh kebanyakan kaum pribumi. Selain menggunakan bahasa ibunda mereka dalam upacara keagamaan, bahasa Malaysia juga digunakan secara meluas. Maka itu bolehlah dikatakan bahawa penganut agama kristian di Sabah dan Sarawak telah lama menggunakan bahasa Malaysia.
2. **PANGANUT AGAMA KRISTIAN MENYAHUT SERUAN KERAJAAN AGAR MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA.**
Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, maka barulah kita menunaikan seruan seruan kerajaan untuk memartabatkan bahasa Malaysia dalam kehidupan dan urusan harian. Dengan demikian kami penganut agama kristian menyahut seruan tersebut sehingga bahasa Malaysia digunakan dalam kehidupan harian termasuk upaca penyembahan. Dengan itu, kerajaan Malaysia seharusnya merasa bangga kerana matlamat kerajaan tercapai.
3. **BAHASA MALAYSIA ADALAH BAHASA KITA SEMUA**
Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan yang digunakan oeh semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Maka itu setiap rakyat Malaysia mempunyai hak yang sama. Dengan itu seharusnya tiada sekatan terhadap kita sebagai rakyat Malaysia menggunkannya termasuk dalam upacara keagamaan masing-masing.
4. **BAHASA MALAYSIA TELAH MENDARAHDAGING**
Bahasa Malaysia meresap dalam kehidupan rakyat Malaysia. Ia adalah bahasa yang paling dekat dengan hati seluruh rakyat Malaysia kerana sistem pendidikan menekankan kepentingan bahasa tersebut. Apabila kita ingin meluahkan isi hati kita menggunakan bahasa yang paling kita kuasai. Demikian juga dalam upacara keagamaan. Bagi kami, tiada bahasa yang kami lebih fasih selain daripada bahasa Malaysia. Dengan bahasa inilah kami dapat menyembah Tuhan kami dengan lebih baik.

Dengan sebab-sebab yang tercatat diatas, maka kami ingin memaklumkan kepada pihak kerajaan bahawa kami akan terus menggunakan bahasa Malaysia, bahasa kita, bahasa semua kaum, baik dalam bentuk lisan mahupun tulisan untuk melaksanakan tanggungjawab kami sebagai umat kristian.

Sekian terima kasih.

signed
Rev. Hannock Wong
(Pengerusi HEBI)

signed
Pastor Juraya Masandu
(Setiausaha HEBI)

signed
Rev. Bah Saha
(Bendahari HEBI)

signed
Rev. Trevor Tinda
(Ahli HEBI)

signed
Rev. Asson Ullie
(Ahli HEBI)

signed
Rev. Doding Rito
(Ahli HEBI)

signed
Rev. Markus Sigar
(Ahli HEBI)

Dated: 25th February 2008

Member Churches: - Anglican Diocese of Kuching - Anglican Diocese of Sabah- Anglican Diocese of West Malaysia- Basel Christian Church of Malaysia- Evangelical Lutheran Church in Malaysia- Lutheran Church in Malaysia & Singapore- Mar Thomas Syrian Church- The Methodist Church- Chinese Annual Conference- Sabah Provisional Annual Conference- Sarawak Chinese Annual Conference- Sarawak Iban Annual Conference- Tamil Annual Conference- Trinity Annual Conference- Orthodox Syrian Church- Presbyterian Church in Malaysia- Protestant Church in Sabah- The Salvation Army-

Associate Members: - Bible Society of Malaysia- The Boy's Brigade in Malaysia- Girls' Brigade Malaysia- Interserve Fellowship- Malaysian Care- Mobilization Fellowship Malaysia- National Council of YMCA's- Seminari Teoloji Malaysia- Sabah Theological Seminary- YWCA- Prison Fellowship Malaysia.

